



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Isnin, November 21, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Pelajar UPM Naib Johan Mega Startup Weekend Johor Bahru @ UTM 2016



Oleh: Dr. Novia Admodisastro dan Dr. Hizmawati Madzin

SKUDAI – Pelajar Bachelo Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai Naib Johan Mega Startup Weekend Johor Bahru @ UTM 2016, bagi kategori 'Internet of Things' baru-baru ini.

Muhammad Nur Syafiq Sinwan, Soon Joon Wai, Muhammad Nur Sufi Abu Bakar, dan Mohamad Faizal Abdul Karim membawa pulang hadiah bernilai RM1,000, Arduino Starter Kit dan 'Cloud Storage'.

Idea yang dimenangi merupakan inovasi bagi sistem 'on-board diagnostics' kereta yang dihubungkan terus menerusi aplikasi mudah alih. Nama produk yang dipertandingkan adalah 'VePA' (Vehicle Personal Assistant).

Pertandingan dianjurkan UTM Technology Entrepreneurship Centre (UTMTEC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersama Kementerian Pendidikan Tinggi, Wadhvani Foundation dan The Hangout.

Program diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai dari 29 April hingga 1 Mei lalu. Peserta diperuntukkan selama 54 jam untuk merealisasikan idea mereka dibantu oleh para mentor yang diiktiraf bagi meyakinkan para juri.

Objektif pertandingan adalah untuk melahirkan usahawan teknologi muda (young technopreneur) yang melibatkan skop 'Internet of Things' dan 'Social Innovation'.

Program itu melibatkan pelajar daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), pereka perisian dan jurutera yang pakar dalam pelbagai bidang dari seluruh Malaysia. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 18 Nov 2016

